

Muka, tangan cedera terkena mercun bola

8/7/20
m/s



■ SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN - Seorang kanak-kanak berusia lapan tahun cedera di muka dan tangan selepas bermain mercun bola di pekarangan rumahnya petang kelmarin.

Muhamad Hanif Mohd Rozaimi yang berasal dari Tasek Gelugor meleur tiga peratus di muka dan tangannya.

Ibunya, Suraya Mad Desa, 40, berkata, anaknya yang ketika itu baru pulang dari sekolah kira-kira jam 2 petang dipercayai terjumpa beberapa biji mercun berkenaan lalu membawa balik ke rumah.

"Selepas menjumpai mercun bola

itu, dia bermain di pekarangan rumah. Kemudiannya tiba-tiba saya terdengar bunyi dentuman mercun dan disusuli teriakan dan raungan anak kerana kesakitan lalu membawanya ke Hospital Kepala Batas (HKB) sebelum dipindahkan ke Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Saya hati apabila melihat keadaan anak saya yang menahan kesakitan apabila muka dan tangannya cedera terkena mercun bola," katanya.

Menurutnya, sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini mungkin tidak semeriah sebelum ini kerana kejadian yang menimpa anaknya itu.

"Baju raya anak sudah dibeli sejak awal Ramadan lalu, namun ia tidak bermakna jika kesihatannya tidak mementu," katanya.

Muhamad Hanif cedera di muka dan tangan selepas bermain mercun bola.

Mercun meletup, empat jari hancur

KOTA BHARU - Seorang kanak-kanak berusia 10 tahun merupakan mangsa ketiga mercun di negeri ini dan terpaksa menyambut Hari Raya Aidilfitri di hospital selepas empat jarinya hancur akibat mercun bola yang meletup di tangannya dalam kejadian di Kampung Morak, Tumpat, Khamis lalu.

Dalam kejadian jam 5 petang itu, mangsa, Mohd Shakir Shukri, 10, dikatakan bermain mercun di hadapan rumahnya.

Murid Sekolah Kebangsaan (SK) Morak yang merupakan anak bongsu itu mengalami kecederaan di tapak tangan kanannya.



Mohd Shakir menerima rawatan di wad HRPZ II.

Ibunya, Noraini Nordin, 47, berkata, ketika kejadian dia sedang memasak juadah berbuka puasa apabila terdengar satu dentuman kuat di hadapan rumah.

"Saya turut terdengar bunyi letupan dan mendengar tangisan kanak-kanak yang kuat.

"Mendengarkan tangisan itu, saya bergegas keluar rumah

dan melihat anak saya sedang menahan sakit dan tangannya dipenuhi darah," katanya ketika ditemui di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, semalam.

Sementara itu, bapa kanak-kanak terbabit, Shukri Che Salleh, 51, berkata, anak bongsu daripada enam beradik itu tidak pernah bermain mercun sebelum ini.

"Memang saya terkejut melihat keadaan anak saya, lagipun saya selalu nasihatkan dia jangan bermain mercun dan tidak tahu di mana dia pelajarinya dengan mengubah suai mercun dan menambahkan belerang di dalamnya," katanya.